



Rujukan: MITI.600-5/3/32 Jld. 4 (47)

Tarikh : 26 Februari 2026

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Dato' Seri/ Datuk/ Tuan/ Puan,

KADAR BAYARAN FI PERMOHONAN KAD PERJALANAN PERNIAGAAN APEC

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri telah menerima surat pemakluman daripada Ketua Pengarah Imigresen Malaysia mengenai penguatkuasaan Perintah Fi (*APEC Business Travel Card*) 2000 [P.U.(A) 167/2000] yang menetapkan bayaran fi sebanyak RM100 bagi setiap permohonan *APEC Business Travel Card* (ABTC) oleh warganegara Malaysia yang memegang Pasport Malaysia Antarabangsa bermula pada 1 Februari 2026. Penguatkuasaan Perintah Fi ini bagi memastikan prosedur permohonan ABTC dilaksanakan secara teratur dari segi peraturan semasa.

3. Bersama-sama ini dilampirkan sesalinan surat daripada Ketua Pengarah Imigresen kepada Ketua Setiausaha MITI yang menyatakan maksudnya dengan jelas. Untuk makluman YBhg. Dato' Seri / Datuk / Tuan / Puan jua, MITI telah menghantar surat balas kepada Ketua Pengarah Imigresen pada 30 Januari 2026 bagi menangguhkan pelaksanaan Perintah Fi ini dan menjalankan perbincangan lanjut bagi meneliti semula mekanisma pelaksanaan fi dan impaknya kepada komuniti perniagaan. Namun, hingga kini, MITI dimaklumkan bahawa Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen Malaysia akan terus melaksanakan kaedah kutipan fi sehinggalah sebarang keputusan atau arahan baharu dikeluarkan.

4. Oleh itu, berdasarkan pemakluman yang diterima, setiap permohonan ABTC dikenakan bayaran fi sebanyak RM100 dan bayaran tersebut boleh dibuat secara terus ke:

Unit APEC (Kaunter 4)
Bahagian Visa, Pas dan Permit
Jabatan Imigresen Malaysia
No. 15, Tingkat 5 (Podium)
Persiaran Perdana, Presint 2
62550 W.P. Putrajaya

5. Kementerian memohon kerjasama Agensi Kawal Selia ABTC untuk melaksanakan Perintah Fi tersebut berdasarkan arahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Bagi mendapatkan sebarang maklumat lanjut mengenai perkara ini, pihak YBhg. Dato' Seri / Datuk / Tuan / Puan boleh berhubung dengan pegawai Jabatan Imigresen Malaysia berikut:

Nama : Muhamad Adibnajwan bin Azman
No. Telefon : 03 - 8880 1145
Emel : adibnajwan@imi.gov.my atau apec@imi.gov.my


6. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Dato' Seri / Datuk / Tuan / Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(AIDA SAFINAZ ALLIAS)

Bahagian Hubungan Serantau dan Antarabangsa
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri

SENARAI EDARAN

1. **YBhg. Datuk Sikh Shamsul Ibrahim Sikh Abdul Majid**
Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
MIDA Sentral,
No. 5, Jalan Stesen Sentral 5,
KL Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

2. **YBrs. Encik Abu Bakar Yusof**
Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia
Menara MATRADE,
Jalan Sultan Haji Ahmad Shah,
50480 Kuala Lumpur.

3. **YBrs. Encik Rizal bin Dato' Nainy**
Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana
Level 6, SME 1, Block B,
Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur

4. **YBrs. Encik Jacob Lee Chor Kok**
Presiden
Persatuan Pengilang-Pengilang Malaysia
No.3 Persiaran Dagang, PJU 9,
Bandar Sri Damansara,
52200 Kuala Lumpur.

5. **YBrs. Encik Norsyahrin bin Hamidon**
Presiden
Dewan Perniagaan Melayu Malaysia
Anjung Melayu,
Lot 734, Jalan Bukit Petaling,
Off Jalan Lapangan Terbang Lama, Bukit Petaling,
50460 Kuala Lumpur.

6. **YBhg. Datuk Ng Yih Pyng**
Presiden
Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia
6th Floor, Wisma Chinese Chamber,
258, Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur.
7. **YBhg. Dato' Seri Gobalakrishnan Narayanasamy**
Presiden
Malaysian Associated Indian Chambers of Commerce & Industry
JKR 3190, Jalan Ledang,
Off Jalan Duta,
50480 Kuala Lumpur.
8. **YBhg. Dato' Sri Zohari Hj Akob**
Presiden
Suruhanjaya Pembekal Perkhidmatan Malaysia
Wisma Vertitech, 2nd Floor,
No. 17A, Jalan Kenari 4,
47100 Puchong Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
9. **YBr. Puan Christina Tee Kim Chin**
Presiden
Malaysian International Chamber of Commerce and Industry
C-08-08, Plaza Mont Kiara,
2 Jalan Kiara, Mont' Kiara,
50480, Kuala Lumpur.